Elia Suliati bt Mohd Isa dan satu lagi lwn Salenordin bin Nan dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (IPOH) — RAYUAN SIVIL NO AA-12B-41–09 TAHUN 2017
MOHD RADZI PK
17 DISEMBER 2018

Tort — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Rayuan terhadap liabiliti — Rayuan silang terhadap kuantum — Kemalangan antara dua motosikal — Responden kedua/plaintif kedua mengalami lumpuh kekal — Hakim mahkamah sesyen memutuskan kadar 20% pada perayu-perayu/defendan-defendan dan 80% pada responden pertama/plaintif pertama dalam kemalangan jalan raya di antara perayu-perayu/defendan-defendan dan responden-responden/plaintif-plaintif — Hakim mahkamah sesyen mengguna pakai kuantum pendarab lima tahun — Sama ada dapatan hakim mahkamah sesyen adalah betul

Ini adalah permohonan rayuan oleh perayu-perayu/defendan-defendan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') terhadap isu liabiliti yang ditetapkan pada kadar 20% di pihak perayu-perayu/defendan-defendan dan 80% di pihak responden pertama/plaintif pertama. Responden-responden/plaintif-plaintif membuat rayuan silang terhadap isu kuantum bagi ganti rugi khas dimana HMS memutuskan mengawad kos penjagaan berjumlah RM150,000 berdasarkan kiraan RM2,500 x 12 bulan x 5 tahun. Responden-responden/plaintif-plaintif merayu supaya mahkamah ini mengubah pendarab yang digunapakai oleh HMS dari lima tahun kepada tujuh tahun. Motosikal W3225E ditunggang oleh responden pertama dan responden kedua sebagai pembonceng manakala motosikal W9337V pula ditunggang oleh perayu pertama dan ibu mertuanya sebagai pembonceng. Memandangkan keuzuran ibu mertua perayu pertama, dia diwakili oleh suaminya, perayu kedua dalam tindakan ini. Pada hari kejadian, kedua-dua motosikal tersebut berada di KM 23, Jalan Hutan Melintang-Bagan Datoh, Perak, dan bergerak di arah jalan yang sama iaitu dari arah Bagan Datoh ke Hutan Melintang. Kemalangan berlaku tatkala responden pertama hendak membelok ke kanan jalan. Akibat kemalangan tersebut, responden kedua mengalami lumpuh yang berkekalan.

Diputuskan:

(1) Apabila berhadapan dengan dua versi kemalangan yang berbeza, keputusan HMS adalah betul untuk beliau memilih versi yang lebih

berkemungkinan munasabahnya. Oleh itu, keputusan HMS adalah betul untuk menerima versi responden mengenai kemalangan pada hari kejadian (lihat perenggan 16–17).

(2) Responden pertama memang telah memberi isyarat lampu dalam kadar masa yang munasabah untuk membelok ke arah kanan jalan. Apa yang lebih pentingnya ialah responden pertama tidak membuat belokan ke kanan pada hari dan di tempat kejadian secara tiba-tiba. Dapatan HMS mengenai isu liabiliti yang menetapkan kadar 80% kepada responden dan 20% kepada perayu adalah menepati prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam *Mariah bte Mohamad (administratrix of the estate of Wan Salleh bin Wan Ibrahim, deceased) v Abdullah bin Daud (Dr Lim Kok Eng & Anor, third parties)* [1990] 1 MLJ 240 dan *Minachi & Anor v Mohamed Yusof bin Zakaria* [1978] 2 MLJ 256. Oleh itu, kadar liabiliti yang diputuskan oleh HMS adalah dikekalkan dan rayuan perayu mengenai isu liabiliti adalah ditolak (lihat perenggan 23 & 27).

(3) Responden-responden tidak menunjukkan kesilapan HMS dalam menetapkan kuantum pendarab yang dipertikaikan mereka dalam rayuan silang mereka. Dalam keadaan sedemikan, mahkamah memutuskan untuk tidak mengganggu dapatan HMS mengenai isu kuantum, termasuklah isu kuantum pendarab bagi pengiraan kos penjagaan yang dibangkitkan oleh responden-responden dalam rayuan mereka. Oleh itu, rayuan silang responden-responden adalah ditolak (lihat perenggan 31).

[English summary

This was an appeal applied by the appellants/defendants against the judgment of a sessions court judge ('the SCJ') on the liability issue set at 20% on the part of the appellants/defendants and 80% on the first respondent/first plaintiff. The respondents/plaintiffs made a cross-appeal against quantum issues for special damages whereby the SCJ held to award a nursing costs of RM150,000 based on a RM2,500 x 12 month x 5 year calculation. The respondents/plaintiffs appealed for this court to alter the multiplication adopted by the SCJ from five years to seven years. The W3225E motorcycle was ridden by the first respondent and the second respondent as a pillion while the W9337V motorcycle was ridden by the first appellant and her mother-in-law as a pillion. Due to the illness of the first appellant's mother-in-law, she was represented by her husband, the second appellant in this act. On the day of the incident, the two motorcycles were at KM 23, Jalan Hutan Melintang-Bagan Datoh, Perak, and moved along the same road from Bagan Datoh to Hutan Melintang. The accident occured when the first respondent was about to turn to the right of the road. As a result of the accident, the second respondent suffered permanent paralysis.

Held, dismissing the appellant's appeal and the respondent's cross-appeal:

(1) When dealing with two versions of different accidents, the decision of the SCJ was correct for him to choose a more reasonable version. Therefore, the decision of the SCJ was correct to accept the respondent's version of the accident on the day of the incident (see paras 16–17).

(2) The first respondent had indeed given a light signal within a reasonable time frame to turn to the right of the road. What was more important was that the first respondent did not make a right turn on the day and at the scene by sudden. The finding of the SCJ on the issue of liability that was set at 80% rate to the respondent and 20% to the appellant were in accordance with the principles set out in *Mariah bte Mohamad (administratrix of the estate of Wan Salleh bin Wan Ibrahim, deceased) v Abdullah bin Daud (Dr Lim Kok Eng & Anor, third parties)* [1990] 1 MLJ 240 and *Minachi & Anor v Mohamed Yusof bin Zakaria* [1978] 2 MLJ 256. Therefore, the liability rate decided by the SCJ was retained and the appellant's appeal on the issue of liability was dismissed (see paras 23 & 27).

(3) The respondents did not show the SCJ error in determining their dispute quantum multiplier in their cross-appeal. Under such circumstances, the court decided not to interfere with the SCJ's findings on quantum issues, including quantum issues of multiplier for calculating the nursing costs raised by respondents in their appeal. Therefore, the cross-appeal of the respondents was rejected (see para 31).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai liabiliti, lihat 12(2) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2017 Reissue) perenggan 2390–2392.

Kes-kes yang dirujuk

Kamaruddin bin Mohd Nor & Anor v Soon Soo Moe & Anor [1998] MLJU 394; [1998] 4 CLJ Supp 301, MT (dirujuk)

Krishnan a/l Perumal & Anor Ismail bin Haji Abdul Rani & Rakan t/a Ismail bin Ent v Yang Cheng Choy & Anor [2010] MLJU 493, MR (dirujuk)

Lee Yew Hoe v Lee Bock Huat [1980] 2 MLJ 271 (dirujuk)

Mariah bte Mohamad (administratrix of the estate of Wan Salleh bin Wan Ibrahim, deceased) v Abdullah bin Daud (Dr Lim Kok Eng & Anor, third parties) [1990] 1 MLJ 240; [1989] 2 CLJ 1232, MT (diikut)

Minachi & Anor v Mohamed Yusof bin Zakaria [1978] 2 MLJ 256 (diikut)

Mohd Zin bin Abdullah v Aznizal bin Rajari @ Mohd Razali [2000] MLJU 699; [2001] 1 CLJ 672, MT (dirujuk)

Rasidin bin Partorjo v Frederick Kiai [1976] 2 MLJ 214, MP (dirujuk)

K Selvanayagam (Ng Chee Kong & Co) bagi pihak perayu.
Inderjit Singh (Sandu and Assoc) bagi pihak responden.

Mohd Radzi PK:

PERMOHONAN

[1] Di hadapan mahkamah ini adalah permohonan rayuan oleh perayu-perayu/defendan-defendan terhadap keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ('HMS') bertarikh 28 Ogos 2017 terhadap isu liabiliti yang ditetapkan pada kadar 20% di pihak perayu-perayu/defendan-defendan dan 80% di pihak responden pertama/plaintif pertama.

[2] Responden-responden/plaintif-plaintif membuat rayuan silang terhadap isu kuantum bagi ganti rugi khas dimana HMS memutuskan mengawad kos penjagaan (*nursing care*) berjumlah RM150,000 berdasarkan kiraan RM2,500 x 12 bulan x 5 tahun. Responden-responden/plaintif-plaintif merayu supaya mahkamah ini mengubah pendarab (*multiplier*) yang digunapakai oleh HMS dari lima tahun kepada tujuh tahun.

[3] Mahkamah ini telah memutuskan bahawa dapatan HMS mengenai isu liabiliti adalah betul dan menepati prinsip undang-undang yang terpakai yang telah ditetapkan dalam kes sebegini dan oleh itu kadar liabiliti yang diputuskan oleh HMS adalah dikekalkan dan rayuan perayu-perayu yang memohon supaya mahkamah ini memutuskan liabiliti 100% di pihak responden-responden adalah ditolak tanpa perintah mengenai kos.

[4] Mahkamah ini juga memutuskan bahawa keputusan HMS mengenai isu kuantum adalah betul dan tidak perlu diubah. Maka rayuan silang responden-responden yang memohon supaya mahkamah ini mengubah kuantum pendarab yang digunakan oleh HMS bagi pengiraan kos penjagaan (*nursing care*) responden pertama adalah juga ditolak tanpa perintah mengenai kos.

[5] Perayu-perayu/defendan-defendan tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan.

LATAR BELAKANG

[6] Fakta-fakta berikut tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak:

(a) motosikal No W3225E ditunggang oleh responden pertama, dan responden kedua yang merupakan isteri beliau adalah pembonceng;

(b) motosikal No W9337V pula ditunggang oleh perayu pertama, dan ibu mertua beliau sebagai pembonceng. Memandangkan keuzuran ibu mertua perayu pertama, beliau diwakili oleh suami beliau, perayu kedua dalam tindakan ini;

(c) pada hari kejadian, 18 Februari 2016 lebih kurang jam 9.20 pagi, kedua-dua motosikal tersebut berada di KM 23, Jalan Hutan Melintang-Bagan Datoh, Perak, dan bergerak di arah jalan yang sama iaitu dari arah Bagan Datoh ke Hutan Melintang;

(d) kemalangan berlaku tatkala responden pertama hendak membelok ke kanan jalan; dan

(e) akibat kemalangan tersebut, responden kedua sekarang disahkan oleh doktor mengalami lumpuh yang berkekalan.

[7] Setelah perbicaraan penuh berlangsung, HMS telah memutuskan bahawa kemalangan yang berlaku pada 18 Februari 2017, di antara motosikal No W9337V yang ditunggang oleh perayu pertama/defendan pertama dan motosikal No W3225E yang ditunggang oleh responden pertama/plaintif pertama, adalah disebabkan kecuaian pada kadar 20% di pihak perayu-perayu/defendan-defendan dan 80% di pihak responden pertama/plaintif pertama.

[8] Bagi isu kuantum, HMS memutuskan bahawa berdasarkan kiraan 100% liabiliti, perayu-perayu/defendan-defendan hendaklah membayar seperti berikut:

(a) kepada responden pertama/plaintif pertama: ganti rugi am untuk 'laceration wound over right leg' berjumlah RM2,500;

(b) kepada responden kedua/plaintif kedua: ganti rugi am untuk *severe head injury resulting in persistent vegetative state* berjumlah RM350,000 dan ganti rugi khas berjumlah RM159,240; dan

(c) faedah dan kos pada jumlah dan kadar yang ditetapkan.

RAYUAN PERAYU: LIABILITI

[9] Memorandum rayuan perayu-perayu, secara ringkasnya, menyenaraikan perkara-perkara berikut sebagai alasan mengapa mahkamah ini perlu mengubah keputusan HMS dan mengapa mahkamah ini perlu memutuskan responden pertama adalah 100% cuai:

(a) kegagalan HMS mengambil kira keterangan bahawa kemalangan berlaku tatkala responden pertama yang berada pada arah selatan ke utara jalan membelok ke kanan jalan secara tiba-tiba, sedangkan perayu pertama berada kekal di jalan pada arah lurus dari selatan ke utara jalan;

(b) kegagalan HMS mengambil kira keterangan perayu pertama bahawa semasa kejadian beliau menunggang motosikalnya di belakang motosikal responden pertama pada jarak yang selamat, iaitu jarak dua hingga tiga buah motosikal, kemalangan tidak dapat dielak kerana tindakan responden pertama yang membelok ke kanan jalan secara tiba-tiba;

(c) kegagalan HMS mengambil kira keterangan saksi bebas, Mohamad Sidek, SD1, yang menyaksikan kemalangan berlaku. Menurut SD1, kemalangan berlaku tatkala responden pertama telah membuat pusingan U di tempat kejadian; dan

(d) kegagalan HMS mengambilkira keterangan responden pertama bahawa jika dia menoleh ke belakang sebelum membelok ke arah kanan jalan, kemalangan boleh dielakkan.

DAPATAN

[10] Bagi membuat dapatan mengenai isu liabiliti, mahkamah ini telah meneliti kembali keterangan semua saksi semasa perbicaraan di hadapan HMS iaitu empat saksi pihak responden dan dua saksi pihak perayu, serta ekshibit-ekshibit, seperti terkandung dalam rekod-rekod rayuan yang dikemukakan di hadapan mahkamah ini.

[11] Setelah meneliti kembali keterangan kesemua saksi, mahkamah ini memutuskan untuk memberi perhatian khusus kepada keterangan perayu pertama, responden pertama, SP1 (pegawai penyiasat) dan saksi bebas, SD1.

[12] Menurut keterangan Sarjan Hasan bin Husni, SP1, yang merupakan pegawai penyiasat kemalangan, pada hari kejadian kedua-dua kenderaan berada di arah perjalanan yang sama, iaitu dari arah Bagan Datoh ke Hutan Melintang. Keterangan ini konsisten dengan rajah kasar (eksh P1 dan P1K) yang menunjukkan, kedua-dua kenderaan bergerak pada arah yang sama dari kedudukan selatan jalan ke utara jalan. Menurut siasatan SP1, kemalangan berlaku tatkala motosikal yang ditunggang responden pertama sedang membelok ke arah kanan jalan dan motosikal yang ditunggang perayu pertama, yang pada waktu itu berada di belakang motosikal responden pertama, telah melanggar motosikal responden pertama. Menurut siasatan SP1, kemalangan ini berlaku terutamanya disebabkan kecuaian responden pertama. Walaupun demikian, tiada apa-apa tindakan saman yang diambil terhadap kedua-dua pihak.

[13] Responden pertama dalam keterangannya mengaku dia memang hendak membelok ke kanan jalan tetapi beliau telah memperlahankan kenderaannya dan memberi lampu isyarat pada jarak 30 meter sebelum sampai ke tempat yang beliau hendak belok. Menurut responden pertama lagi,

kemalangan berlaku apabila motosikal yang ditunggang perayu pertama yang berada di belakang motosikalnya telah melanggarnya pada bahagian rusuk kanan beliau semasa beliau (responden pertama) dalam proses membelok ke kanan itu.

[14] Menurut keterangan perayu pertama pula, kemalangan berlaku apabila responden pertama yang menunggang motosikal di hadapannya telah membelok secara tiba-tiba ke arah kanan jalan untuk membuat pusingan 'U'. Keterangan ini disokong oleh keterangan saksi bebas Zulkifli Mohamad Sidek ('SD1'), dan juga SD2 yang merupakan penyelaras insurans.

[15] Dalam hal ini, mahkamah ini memutuskan bahawa selain memberi pertimbangan sepenuhnya kepada keterangan perayu pertama dan responden pertama, mahkamah ini memberi pertimbangan berat kepada keterangan SD1, yang merupakan saksi bebas yang melihat bagaimana kemalangan berlaku. Semasa tarikh dan waktu kejadian, SD1 sedang duduk minum di sebuah warung yang terletak lebih kurang 45 kaki dari tempat kemalangan. Antara keterangan kritikal yang diberikan oleh SD1 ialah:

(a) beliau nampak dengan jelas kedudukan dan keadaan kedua-dua kenderaan yang ditunggang oleh perayu pertama dan responden pertama;

(b) beliau nampak responden pertama telah memperlahankan kenderaannya lebih kurang satu atau dua minit sebelum membelok ke kanan untuk membuat pusingan 'U'; dan

(c) kemalangan berlaku tatkala responden pertama sedang membuat pusingan 'U' dan perayu pertama yang berada pada jarak yang dekat di belakang kenderaan responden pertama terus melanggar kenderaan responden pertama.

[16] Mahkamah ini berpuas hati bahawa HMS telah mengambil kira segala keterangan saksi semasa perbicaraan di hadapannya sebelum membuat keputusannya. Adalah dapatan mahkamah ini bahawa apabila berhadapan dengan dua versi kemalangan yang berbeza seperti dalam kes ini, keputusan HMS adalah betul untuk beliau memilih versi yang lebih berkemungkinan munasabahnya, dengan merujuk prinsip yang terpakai dalam kes *Krishnan a/l Perumal & Anor Ismail bin Haji Abdul Rani & Rakan t/a Ismail bin Ent v Yang Cheng Choy & Anor* [2010] MLJU 493, apabila Mahkamah Rayuan memutuskan seperti berikut:

> It is not disputed that the accident happened in the middle of the road, where it was a bend. What is in dispute was as to how the accident happened. The litigants gave conflicting versions as to who encroached onto whose path. It is trite law that where there are two conflicting versions as to how an accident occurred, the best approach is to refer to independent evidence such as the sketch-plan, photographs and the

A nature of damages to the respective vehicles. On this logical guidance suffice to refer to the cases of: *San Seong Choy & Ors v Yuson Bien* [1962] 1 MLJ 427; *Lee Ewe Teik v Ariffin bin Hussain* [1990] MLJU 12; [1990] 2 CLJ 191; and *Lim Swee Cheng & Anor v Md Kasiman bin Kasim & Anor* [1994] MLJU 332; [1995] 2 CLJ 440.

B **[17]** Oleh itu, adalah dapatan mahkamah ini bahawa keputusan HMS adalah betul untuk menerima versi responden mengenai kemalangan pada hari kejadian.

C **[18]** Mahkamah ini seterusnya telah meneliti keputusan-keputusan dalam kes *Lee Yew Hoe v Lee Bock Huat* [1980] 2 MLJ 271; *Mohd Zin bin Abdullah v Aznizal bin Rajari @ Mohd Razali* [2000] MLJU 699; [2001] 1 CLJ 672 dan *Kamaruddin bin Mohd Nor & Anor v Soon Soo Moe & Anor* [1998] MLJU 394; [1998] 4 CLJ Supp 301 yang dititip dalam hujahan bertulis peguam perayu yang kesemuanya memutuskan bahawa pihak yang didapati secara
D positif melakukan pusingan 'U' secara tiba-tiba lalu mengakibatkan kemalangan jalan raya adalah ditetapkan bertanggung jawab pada kadar liabiliti 100%.

E **[19]** Mahkamah ini dapati liabiliti 100% ditetapkan kepada defendan dalam kes *Lee Yew Hoe* setelah fakta dalam kes itu dengan jelasnya menunjukkan ' ... he (the defendant) had left the unnamed earth road and got onto the main road without first ascertaining or ensuring that it was safe for him to do so'.

F **[20]** Begitu juga, dalam kes *Mohd Zin*, mahkamah dalam kes itu memutuskan untuk meletakkan liabiliti pada kadar 100% terhadap Responden apabila mendapati fakta yang kritikalnya ialah '... the respondent who was exiting from the left side of a supplementary road, entering the main
G road and then negotiating a U-turn purposefully to turn towards the direction of Tanah Merah. Due to the suddenness of the defendant's maneuver, exacerbated by the short distance separating them, a collision occurred'.

[21] Manakala dalam kes *Kamaruddin Mohd Nor* pula, Suriyadi Halim
H Omar H (pada masa itu) memutuskan:

> If the first defendant did give signal, it must have been given immediately before turning to the right, without first ensuring that the road was clear from the rear and that the signal had been sufficiently noticed. Thus, his liability could still not be exonerated.
>
I ... A vehicle positioned at the front may be held liable if the evidence points to a positive culpability. If the rear vehicle is not given the opportunity to avoid a collision due to the suddenness of the entry of the front vehicle onto the road or path, be it to cut across, do a U-turn or even for purposes of continuing his journey, the blame must be placed on that front vehicle.

[22] Prinsip yang diputuskan dalam ketiga-tiga kes tersebut adalah jelas dan konsisten, iaitu seseorang pemandu akan diletakkan bertanggungan pada kadar 100% dalam sesuatu kemalangan jika keadaan-keadaan berikut dipenuhi:

(a) terdapat bukti dan keterangan jelas menunjukkan pemandu tersebut bertindak melulu dan mengambil tindakan masuk ke jalan tanpa memastikan keselamatan kepada pengguna jalan raya lain;

(b) jikapun pemandu itu memberi lampu isyarat untuk membelok, tindakan itu sahaja tidak mencukupi jika lampu isyarat diberikan terlalu hampir sebelum pemandu itu membelok; dan

(c) tindakan pemandu tersebut jelas menunjukkan dia memasuki jalan, membelok, membuat pusingan 'U' atau seumpamanya secara tiba-tiba tanpa mewujudkan suatu peluang atau keadaan munasabah untuk pemandu di belakangnya untuk mengelak.

[23] Mahkamah ini dapati ketiga-tiga keadaan tersebut tidak berlaku setelah diteliti fakta dalam kes ini. Adalah dapatan mahkamah ini, terutamanya setelah menerima keterangan SD1, bahawa responden pertama memang telah memberi isyarat lampu dalam kadar masa yang munasabah untuk membelok ke arah kanan jalan. Apa yang lebih pentingnya ialah responden pertama tidak membuat belokan ke kanan pada hari dan di tempat kejadian secara tiba-tiba.

[24] Atas alasan itu, mahkamah ini menolak rayuan perayu-perayu untuk mahkamah ini mengubah kadar liabiliti responden pertama yang diputuskan oleh HMS.

[25] Dalam keadaan sedemikian, mahkamah ini memutuskan untuk menerima pakai prinsip yang diputuskan oleh Abdul Malek H (pada masa itu) dalam kes *Mariah bte Mohamad (administratrix of the estate of Wan Salleh bin Wan Ibrahim, deceased) v Abdullah bin Daud (Dr Lim Kok Eng & Anor, third parties)* [1990] 1 MLJ 240; [1989] 2 CLJ 1232, seperti berikut:

> The defendant was 40% liable because the defendant had noticed the deceased from a distance of 60 feet away, which was a sufficient distance for the defendant to have anticipated the possibility of the deceased cutting across and to have been able to avoid the collision. The deceased was 60% liable because the accident would not have occurred if he had not cut across in that manner.

[26] Mahkamah ini juga mengguna pakai prinsip yang diputuskan dalam satu lagi kes yang juga dirujuk dalam hujahan peguam responden-responden iaitu keputusan Gunn Chit Tuan H (pada masa itu) dalam kes *Minachi & Anor v Mohamed Yusof bin Zakaria* [1978] 2 MLJ 256 yang memutuskan seperti berikut:

A ... Therefore if the motor-cyclist had kept a continuous look-out on the deceased, he could have seen him turn suddenly more than 15 feet away. I therefore found that the motor-cyclist was negligent. But it was obvious that the deceased cyclist was also guilty of contributory negligence in riding a bicycle at night without lights and having turned round suddenly either without looking behind him first, or if he had
B done so, in crossing the road when he knew that there was an oncoming vehicle not far behind him ... In my opinion, the deceased's negligent act in turning and cutting across the road was the substantial cause of the accident. In the circumstances of this case, I therefore found that the deceased was four-fifths responsible for the accident whilst the defendant was only one-fifth to blame.

C

[27] Berdasarkan prinsip yang diputuskan dalam kedua-dua kes tersebut, mahkamah ini memutuskan dapatan HMS mengenai isu liabiliti yang menetapkan kadar 80% kepada responden dan 20% kepada perayu adalah menepati prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam kes sebegini. Oleh itu,
D kadar liabiliti yang diputuskan oleh HMS adalah dikekalkan dan rayuan perayu mengenai isu liabiliti adalah ditolak.

RAYUAN SILANG RESPONDEN: KUANTUM PENDARAB BAGI KOS PENJAGAAN

E

[28] Responden-responden membuat rayuan silang terhadap isu kuantum bagi ganti rugi khas dimana HMS memutuskan mengawad kos penjagaan (*nursing care*) berjumlah RM150,000 berdasarkan kiraan RM2,500 x 12 bulan x 5 tahun. Responden-responden merayu supaya mahkamah ini mengubah
F pendarab (*multiplier*) yang diguna pakai oleh HMS dari lima tahun kepada tujuh tahun.

[29] Dalam meneliti rayuan responden-responden mengenai isu kuantum ini, mahkamah ini terlebih dahulu telah meneliti kembali kuantum ganti rugi
G am dan ganti rugi khas yang diawadkan oleh HMS kepada responden pertama dan responden kedua. Walaupun mahkamah ini dapati HMS tidak memasukkan alasan beliau mengenai isu kuantum ini dalam alasan penghakimannya, mahkamah ini dapati secara keseluruhannya, kuantum yang diawadkan adalah munasabah.

H

[30] Bagi meneliti isu kuantum berkenaan pendarab yang dibangkitkan dalam rayuan responden, mahkamah ini adalah tertakluk kepada keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Rasidin bin Partorjo v Frederick Kiai* [1976] 2 MLJ 214 apabila Wan Suleiman HMP tatkala membaca keputusan
I Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

A Court of Appeal always starts with the working presumption that any decision appealed against is right in every respect. So to succeed in an appeal the appellant must convince us that the decision appealed from is wrong. If we are not so convinced, the appeal fails.

The principle upon which an appellate court will interfere with an award of damages made by a judge sitting alone has been stated by Lord Wright in *Davies v Powell Duffryn Associated Collieries Ltd* [1942] AC 601 at pp 616–617 as follows:

> Where the award is that of the judge alone, the appeal is by way of rehearing on damages as on all other issues, but as there is generally so much room for individual choice so that the assessment of damages is more like an exercise of discretion than an ordinary act of decision, the appellate court is particularly slow to reverse the trial judge on a question of the amount of damages. It is difficult to lay down any precise rule which will cover all cases, but a good general guide is given by Greer LJ in *Flint v Lovell*. In effect the court, before it interferes with an award of damages, should be satisfied that the judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for these or other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered. It is not enough that there is a balance of opinion or preference. The scale must go down heavily against the figure attacked if the appellate court is to interfere, whether on the ground of excess or insufficiency.

Thus the appellant here has to convince us that the learned trial judge has acted on a wrong principle of law, or has misapprehended the facts, or has for other reasons made a wholly erroneous estimate of the damage suffered.

[31] Responden-responden tidak menunjukkan kesilapan HMS dalam menetapkan kuantum pendarab yang dipertikaikan mereka dalam rayuan silang mereka. Dalam keadaan sedemikan, mahkamah ini memutuskan untuk tidak mengganggu dapatan HMS mengenai isu kuantum, termasuklah isu kuantum pendarab bagi pengiraan kos penjagaan yang dibangkitkan oleh responden-responden dalam rayuan mereka. Oleh itu, rayuan silang responden-responden adalah ditolak.

Rayuan perayu dan rayuan silang responden ditolak.

Dilaporkan oleh Nabilah Syahida Abdullah Salleh